

# UNIMAS hab pendidikan dipercuryai di Asia - Khairuddin

**NORLIZA TINGGAL**

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Se-mua mahasiswa baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempunyai tanggungjawab untuk meneruskan kecemerlangan yang telah dilakar institusi itu.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata, perkembangan pesat yang menawarkan pelbagai program melalui pelbagai kursus yang ditawarkan fakulti di UNIMAS itu, menjadikannya sebagai hab pendidikan paling dipercayai di rantau Asia.

Katanya, kualiti juga perlu ditingkatkan supaya UNIMAS mampu

melahirkan modal insan berdaya saing serta menjadi pilihan kepada pelajar asing.

"Sesungguhnya pelajar asing yang belajar di UNIMAS boleh terus menikmati pengajian berkualiti yang diiktiraf oleh pelbagai badan profesional tempatan dan luar negara, kerana universiti kita semakin dikenali di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berucap demikian sewaktu merasmikan Majlis Penutupan Ikrar Pelajar Baru Ambilan Februari sesi 2011/2012 di Dewan Kuliah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hari ini.

Seramai 317 orang pelajar baru dan 17 pelajar asing daripada lapan

buah negara mendaftar bagi program peringkat master dan ijazah.

Beliau mengingatkan mahasiswa bahawa mereka mempunyai peranan penting untuk mengukuhkan perpaduan selaras dengan aspirasi gagasan 1Malaysia.

Katanya, dengan mengikuti pengajian di UNIMAS, ia akan mampu melahirkan modal insan berkualiti untuk memacu pembangunan negara.

"Pembangunan modal insan berkualiti merupakan perkara utama dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi. Tanpa kemahiran dan pendidikan bermakna satu kerugian besar, terlepas peluang untuk ber-

saing dan mencapai kejayaan," katanya.

Tambahnya, kira-kira separuh daripada populasi dunia sekarang berusia di bawah 25 tahun, justeru pembangunan modal insan wajar dijadikan tumpuan utama.

Jelasnya, peluang melanjutkan pendidikan hendaklah digunakan sebaik mungkin oleh pelajar bagi menjadikan mereka insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

**TERIMA KASIH** ... Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid menyampaikan watikah ikrar kepada pelajar baru bagi sesi Februari 2012 di Dewan Kuliah di Kota Samarahan, semalam.

